



PERATURAN PERTANDINGAN PETANQUE WANITA

1.0 NAMA PERTANDINGAN

- 1.0 Pertandingan Petanque Bergu Wanita KAKOM 2022

2.0 UNDANG-UNDANG

- 2.1 Selain daripada undang-undang yang terkandung, pertandingan akan dijalankan mengikut tertakluk kepada Undang-undang Rasmi Permainan Petanque (Official Rules of the Games of Petanque) yang ditetapkan oleh Federation International de Petanque Jeu Provinal (FIPJP) yang sedia terpakai dan pindaan-pindaanya yang dilakukan pada Tahun 2010 di Izmer, Turkey.
- 2.2 Sekiranya terdapat perselisihan/persoalan dari segi undang-undang permainan, undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dirujuk.
- 2.3 Ketua Arbiter dirujuk sebagai Ketua Pengadil adalah individu yang diberikan tauliah untuk memberi keputusan bagi sebarang pertikaian berkaitan teknikal pertandingan dengan merujuk kepada peraturan dan undang-undang yang terpakai.
- 2.4 Sebarang bantahan rasmi berkaitan teknikal pertandingan akan diberikan pertimbangan sewajarnya oleh Ketua Arbiter bersama Jawatankuasa Teknikal, Seterusnya Ketua Arbiter mencadangkan usul dan berbincang bersama Pengerusi Kejohanan sebelum memberikan keputusan yang muktamad.

3.0 TARIKH DAN MASA PERTANDINGAN

- 3.1 3 dan 4 September 2022
- 3.2 Sila rujuk jadual pertandingan yang akan diberi pada mesyuarat pengurus pasukan.

4.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 4.1 Gelanggang Petanque, Kolej Matrikulasi Melaka

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Sila rujuk Perkara 5.0 Peraturan Am KAKOM 2022.



6.0 PENYERTAAN

- 6.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Kolej Matrikulasi KPM, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 6.2 Peserta yang mengikuti program lain di Kolej MARA di bawah KPM pada tahun semasa boleh mengambil bahagian dalam KAKOM

Bil.	Kategori	Acara dipertandingkan	Bilangan pemain
1.	Wanita	Berpasukan	3 orang
2.	*	Pengurus/ Jurulatih	1 orang
Jumlah			3 orang

*Terbuka tanpa kuota jantina

7.0 PEGAWAI TEKNIKAL

- 7.1 Pertandingan akan diadili pengadil (*arbiter*) bertauliah yang dilantik.
- 7.2 Keputusan pengadil adalah muktamad.

8.0 MENENTUKAN KEMENANGAN

- 8.1 Pasukan yang mempunyai mata yang paling banyak sekali adalah dikira sebagai johan kumpulan.
- 8.2 Jika 2 pasukan seri, pasukan yang menang semasa pertemuan antara mereka dikira menang.
- 8.3 Jika terdapat 3 pasukan yang seri;
- 8.3.1 pasukan yang memperolehi **margin paling tinggi** dalam kiraan 'Internal Difference' (beza skor antara pasukan seri) dikira sebagai pemenang
- 8.3.2 jika masih seri, pasukan yang memperolehi **skor paling tinggi** dalam kiraan 'Internal Difference' dikira sebagai pemenang
- 8.3.3 jika masih seri, pasukan yang memperolehi **margin paling tinggi** dalam kiraan 'External Difference' (beza skor antara pasukan yang bertanding) dikira sebagai pemenang
- 8.3.4 jika masih seri, pasukan yang memperolehi **skor paling tinggi** dalam



- kiraan 'External' dikira sebagai pemenang.
- 8.3.5 Jika masih seri, undian akan dijalankan secara lambungan syiling daripada (3) tiga yang terbaik.

9.0 KELEWATAN DAN TEMPOH PERLAWANAN

9.1 Kelewatan

- 9.1.1 Pasukan yang gagal hadir setelah panggilan perlawanan diumumkan, akan didenda 1 mata bagi 15 minit pertama dan 1 mata bagi setiap 5 minit seterusnya sehingga 30 minit.
- 9.1.2 Sekiranya pasukan tersebut gagal hadir dalam masa 30 minit, kemenangan 13-0 akan diberi kepada pihak lawan.

9.2 Tempoh Perlawanan

- 9.2.1 Perlawanan akan dijalankan sebanyak satu (1) set sahaja
- 9.2.2 Mata penamat adalah **13 atau dalam masa 1 jam bagi pusingan awal. 13 atau dalam masa 1 jam 30 minit bagi pusingan suku akhir dan separuh akhir. 13 untuk perlawanan akhir.**
- 9.2.3 Sekiranya kaedah penentuan perlawanan bermasa digunakan, pasukan yang mendahului mata selepas tempoh masa tamat adalah dianggap sebagai pemenang. Sekiranya mata seri, tambahan 1 *end* akan diberikan.

10.0 JAWATANKUASA TATATERTIB (DISIPLIN/TINDAKAN HUKUMAN)

- 10.1 Sila rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am.

11.0 PENANGGUHAN

- 11.1 Sila rujuk Perkara 11.0 Peraturan Am.
- 11.2 Jawatankuasa Teknikal Petanque berhak mengubah sistem pertandingan jika masa tidak mencukupi akibat daripada penangguhan permainan dalam apa-apa keadaan sekalipun.

12.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

- 12.1 Sila rujuk Perkara 12.0 Peraturan Am.



13.0 JURI RAYUAN

13.1 Sila rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am.

14.0 KESELAMATAN, KEHILANGAN BARANG-BARANG DAN KEMALANGAN

14.1 Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am

15.0 HADIAH

16.0 FORMAT PERTANDINGAN

PINGAT / KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
WANITA	3	3	6	12
PENGURUS/JURULATIH	1	1	2	4

Sistem pertandingan dijalankan secara liga dan/atau cara kalah mati seperti berikut:

16.1 Cara Liga Empat Kumpulan (A, B, C dan D)

16.1.1 Pusingan Pertama


- 16.1.1.1 Pasukan yang mengambil bahagian hendaklah dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu A, B, C dan D. Pertandingan akan dijalankan secara liga.
- 16.1.1.2 Pasukan-pasukan akan ditempatkan dalam empat kumpulan tersebut dengan cabutan undi mengikut undang-undang permainan berkenaan.
- 16.1.1.3 Sistem pemberian mata bagi pertandingan secara liga adalah seperti berikut:

Menang : 3 mata
Kalah : 0 mata

16.1.2 Pusingan Kedua (Suku Akhir)

16.1.2.1 Pemenang 1 dan Pemenang 2 dalam setiap kumpulan akan masuk ke pusingan suku akhir dan pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.

16.1.2.2 Perlawanan adalah ditetapkan sebagaimana berikut:



16.1.3 Pusingan Separuh Akhir dan Akhir

16.1.2.3 Pasukan-pasukan yang menang pada perlawanan separuh akhir akan memasuki Perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, sementara pasukan-pasukan yang kalah akan diberikan kedudukan tempat Ketiga Bersama.

17.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

17.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada 02hb September 2022, pada jam 9.00 malam, bertempat di Bilik Tutoran 1.1.6.



- 17.2 Semua pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dan salinan kad pelajar yang telah disahkan.
- 17.3 Pengesahan peserta yang mengambil bahagian hendaklah disahkan semasa mesyuarat tersebut. Segala pertukaran boleh dilakukan dalam mesyuarat .
(SELEPAS ITU SEMUA PERTUKARAN / PENGGANTIAN TIDAK AKAN DILAYAN).
- 17.4 Senarai peserta yang disahkan semasa taklimat pengurus pasukan adalah muktamad.
- 17.5 Sila rujuk Perkara 17.0 Peraturan Am.

18.0 MENARIK DIRI

- 18.1 Sila rujuk Perkara 18.0 Peraturan Am.
- 18.2 Sekiranya mana-mana perkara yang tidak dinyatakan dalam Perkara 11.0 Peraturan Am, Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda/menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad

19.0 PENGUNDIAN

- 19.1 Sila rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am

20.0 PAKAIAN PESERTA DAN PERALATAN

- 20.1 Pemain mestilah memakai pakaian yang mempunyai identiti kolej (pakaian kontinjen). Hanya **baju 'T' berlengan**. Pihak pengelola berharap semua pemain dapat menutup aurat.
- 20.2 Hanya kasut sukan sahaja yang dibenarkan di dalam gelanggang semasa pertandingan.
- 20.3 Pihak penganjur berhak untuk **tidak akan membenarkan** mana-mana pemain menyertai pertandingan ini sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut.
- 20.4 **Penggunaan boule adalah mengikut piawaian FIPJP. Boule mestilah tertera jenama bola, jisim boule dan ukur lilit boule/ nombor siri boule.** Hanya 'match boules' sahaja yang dibenarkan untuk digunakan semasa pertandingan, contoh boule yang dibenarkan adalah dari jenama LA FRANC dan PLASTONG (Buatan Thailand), OBUT dan JB (Buatan Perancis).
- 20.5 Boule *training* tidak boleh digunakan.



- 20.6 Pemain dikehendaki membawa boule sendiri.
- 20.7 *Jack* akan disediakan oleh pihak penganjur dan harus dipulangkan kembali selepas tamat perlawanan.
- 20.8 Pita pengukur bagi tujuan mengukur jarak kejauhan atau menentukan mata hendaklah disediakan oleh pemain sendiri atau pasukan yang bertanding.

21.0 TINDAKAN TATATERTIB (DISIPLIN/TINDAKAN HUKUMAN)

- 21.1 Tindakan tatatertib yang akan diambil adalah mengikut Undang-undang Rasmi Permainan Petanque (*Official Rules of the Games of Petanque*).
- 21.2 Setiap kesalahan tatatertib, pemain dan pegawai akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.

22.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 22.1 Sila rujuk Perkara 20.0 Peraturan Am

23.0 HAL-HAL LAIN

- 23.1 Sila rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am.
- 23.2 Sekiranya terdapat gangguan perjalanan pertandingan seperti cuaca buruk, gangguan teknikal atau kesuntukan masa, Pengarah Kejohanan melalui mesyuarat bersama semua pengurus pasukan akan menentukan kaedah keputusan perlawanan.
- 23.3 Jawatankuasa Pengelola mempunyai hak mentafsirkan segala perkara yang tidak disiarkan atau termaktub di dalam Peraturan-Peraturan Pertandingan ini dan keputusannya adalah muktamad.

LAMPIRAN

Contoh gambar BOULES PETANQUE jenama LA FRANC, PLASTONG, OBUT & JB.



